

16 AUG 1999

Mahathir-Bantu

BANTUAN KERAJAAN UNTUK PELABUR MALAYSIA DI RUSIA

Oleh: Azman Ujang

KHABAROVSK (Russia), 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjanji untuk membantu Rimbunan Hijau, syarikat pembalakan Malaysia di sini yang menghadapi masalah akibat peraturan pelaburan asing ketat Rusia.

Beliau memberitahu wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatannya di sini: "Kita akan bantu mereka kerana mereka telah melabur di sini.

"Kita mempunyai kepentingan untuk membantu mereka bagi membolehkan mereka berjaya," kata perdana menteri selepas majlis taklimat tertutup mengenai operasi Rimbunan Hijau di pejabatnya di sini, Isnin.

Rimbunan Hijau diberikan tempoh konsesi pembalakan selama 49 tahun di kawasan hutan seluas 600,000 hektar oleh pentadbiran Khabarovsk pada 1997 dan telah mula mengeluarkan balak pain untuk dieksport ke Jepun, Korea Selatan dan China.

Pengerusinya Tan Sri Tiong Hiew King memberitahu wartawan sehari sebelum itu bahawa risiko pelaburan syarikat itu meningkat berikutan peraturan-peraturan baru yang diperkenalkan.

Beliau memberi contoh dasar-dasar baru percukaian yang telah menjejaskan unjuran pulangan pelaburan selain undang-undang baru persekutuan dan tempatan.

Ketika ditanya mengenai perkara itu, Dr Mahathir berjanji untuk membantu tetapi tidak menyatakan sama ada beliau telah membangkitkan perkara itu pada mesyuarat hari ini dengan Ketua Pentadbiran Rantau Khabarovsk, Victor Ishaev.

Tetapi beliau berkata: " Jika anda melabur di mana-mana negara, anda pasti akan menghadapi banyak kesukaran."

Perdana Menteri juga berkata akan tiba masanya apabila balak kayu lembut keluaran Rimbunan Hijau akan diperlukan di Malaysia memandangkan negara telah memperluaskan industri pembuatan perabut.

Konsesi pembalakan di rantau timur jauh Rusia ini adalah satu daripada beberapa konsesi yang dipegang oleh Rimbunan Hijau di seluruh dunia.

Rimbunan Hijau, yang beribu pejabat di Sibu, Sarawak, adalah dipercayai satu daripada syarikat konsesi balak terbesar di dunia.

Semasa mesyuarat dua hala Dr Mahathir dengan para pegawai kanan pentadbiran tempatan hari ini, Ishaev memuji Rimbunan Hijau kerana menjadi pelabur perintis Malaysia di rantau ini.

Beliau berkata syarikat itu telah melabur AS\$23 juta sejak dua tahun lepas apabila memulakan operasinya dan ini telah membantu merangsangkan ekonomi tempatan.

Ishaev berkata pentadbirannya memberikan keutamaan kepada pembangunan ekonomi di rantau ini, yang pertumbuhan ekonominya adalah lebih tinggi berbanding bahagian lain di Rusia.

Rantau ini menghasilkan 60 peratus output industri pertahanan Rusia dan 50 peratus daripada pengeluaran industri jenteranya.

Bidang-bidang yang diutamakan itu ialah sektor tenaga, pengangkutan, komunikasi dan infrastruktur.

Beliau berkata lawatan Dr Mahathir ke rantau ini menunjukkan komitmen beliau kepada "hubungan praktikal" antara Malaysia dan Rusia.

Mungkin dengan merujuk kepada masalah politik Malaysia yang telah diberi liputan meluas oleh media antarabangsa sejak tahun lepas, Ishaev berkata: " Kami mengucapkan selamat berjaya dalam tugas anda yang sangat sukar dan rumit sebagai perdana menteri Malaysia."

Dalam ucapan pembukaan pada mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata apabila Ishaev, yang melawat Malaysia pada November lepas mempelawanya melawat Khabarovsk, " saya harus mengaku bahawa saya langsung tidak tahu mengenai rantau Khabarovsk.

" Saya ingin tahu mengenai Timur Jauh Rusia ini dan saya memang berharap untuk melakukan lawatan ini."

Beliau berkata tujuan lawatannya ke sini ialah untuk mencari rakan dagang yang baru, iaitu elemen penting bagi dasar ekonomi Malaysia sebagai negara perdagangan.

Menghuraikan perbincangannya dengan delegasi Khabarovsk pada persidangan berita untuk wartawan Malaysia, Dr Mahathir bercakap mengenai kemungkinan meningkatkan perdagangan dan pelaburan serta membeli dan menjual barangan antara Malaysia dan bahagian Rusia ini.

Secara khususnya, perdana menteri berkata beliau sedang mengkaji bot hidrofoil buatan Rusia, yang boleh digunakan untuk mengangkut penumpang di kawasan sungai atau laut di Malaysia.

Malaysia sudah pun menjalin kerjasama dengan Rusia dalam industri pesawat dengan Malaysia melakukan pengubahsuaian ke atas helikopter buatan Rusia terutamanya yang digunakan untuk pembenihan awan dan memadam kebakaran di hutan serta bangunan tinggi.

Dr Mahathir berkata Penerbangan Khabarovsk sudahpun membuat penerbangan ke Singapura dan ia mungkin melakukan penerbangan ke Kuala Lumpur jika mempunyai cukup penumpang.

" Mereka juga berminat untuk terbang ke Kuching. Kami sedang mengkaji perkara ini," kata beliau.

-- BERNAMA

AU NAK